




# PERUTUSAN TAHUN BARU 1 . 9 . 8 . 9



SIRI UCAPAN PENTING

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA





# PERUTUSAN TAHUN BARU 1 . 9 . 8 . 9

oleh YAB Perdana Menteri Malaysia

PUSTAKA PERDANA



1010124



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

#521618




PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
CARA SAMA  
KEMERDEKAAN  
PADA DIRI ANAK

“... Dengan mengekalkan perpaduan, persefaman dan kerjasama di kalangan kita, berbagai kejayaan baik dari segi politik, ekonomi, sosial dan keselamatan akan terus dapat kita capai dan nikmati bersama.”

“Perlembagaan negara menjamin kehidupan masyarakat berasaskan nilai-nilai kesederhanaan, toleransi dan saling bersefahaman di kalangan rakyat berbilang kaum, budaya, agama dan bahasa. Bagi menentukan negara kita sentiasa berada dalam keadaan aman dan tenteram, maka saya mengajak semua pihak agar lebih peka dan waspada kepada sensitiviti-sensitiviti yang berkaitan. Dengan izin Tuhan dan berkat usaha kita, kita akan mencapai kemajuan yang akan menjadikan kehidupan rakyat Malaysia lebih bahagia.....”.

— DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD.



**PERUTUSAN Y.A.B. PERDANA MENTERI  
DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
SEMPENA TAHUN BARU 1989  
MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA  
PADA HARI SABTU, 31HB DISEMBER 1988  
PUKUL 8.35 MALAM**

**Assalamu'alaikum dan salam sejahtera.**

Bersyukur kita kepada Tuhan kerana dengan limpah rahmatNya, dapat kita rakyat Malaysia bersama-sama melangkah ke tahun baru 1989. Bersyukur juga kita kerana sepanjang tahun 1988 berbagai kejayaan telah kita capai, manakala cabaran-cabaran yang kita hadapi telah dapat kita atasi.

### **IMBAS KEMBALI**

Tahun 1988 telah memperlihatkan pemulihan dalam hampir semua bidang — sosial, ekonomi, politik dan keselamatan. Memang benar perkara-perkara yang tidak diingini berlaku tetapi tidaklah sehingga membawa kepada kucar-kacir. Politik negara beransur stabil dan dengan itu keselamatan juga lebih terjamin. Ekonomi negara kita telah berkembang dengan pesatnya. Semua ini telah menolong meningkatkan ketenangan dan kesejahteraan kehidupan masyarakat. Ketegangan yang dilihat pada penghujung tahun 1987 tidak didapati dalam tahun 1988. Rakyat berbagai kaum hidup rukun damai dan bermesra antara satu sama lain.

Masalah dalam parti-parti politik di negara kita kian reda. Pemulih-an Parti UMNO telah meyakinkan bukan sahaja penduduk-penduduk tempatan tetapi juga pelabur-pelabur asing mengenai kestabilan negara Malaysia. Memang benar pemulihan belum tercapai sepenuhnya, tetapi rakyat yang bertanggungjawab dan cintakan keamanan serta cinta kepada negara akan menentukan segala masalah dapat diatasi.



Perdana Menteri disambut baik oleh semua lapisan masyarakat Malaysia.

Kerajaan berbangga juga bahawa politik perkauman tidak begitu tebal sepanjang tahun 1988 dibandingkan dengan setahun-dua yang lalu. Memanglah senang bagi sesebuah parti politik atau seseorang ahli politik membangkitkan sentimen perkauman. Berbagai isu boleh diungkit untuk tujuan sedemikian. Bagaimanapun perkara ini tidaklah keterlaluan sehingga tidak terkawal. Marilah kita semua bersyukur kerana gejala politik yang merbahaya ini sudah berkurangan. Setiap golongan rakyat harus sedar mengenai bahaya berpolitik seperti ini. Kerajaan sanggup bersikap lebih liberal tetapi jika ada tanda-tanda sikap ini disalah-ertikan, Kerajaan tidak akan teragak-agak menjalankan tanggungjawabnya.

## TAHUN KEJAYAAN


Seperti termaklum, tahun 1988 boleh dikenang sebagai satu tahun kejayaan dalam bidang ekonomi negara. Kadar pertumbuhan ekonomi adalah lebih baik daripada tahun 1987. Sekiranya kita berbangga dengan pertumbuhan 1987, kita haruslah lebih bersyukur dengan pencapaian yang lebih menggalakkan sepanjang tahun 1988 ini. Kalau dalam tahun 1987 dahulu penduduk-penduduk luar bandar dan mereka yang melibatkan diri dalam sektor pertanian telah menikmati kenaikan harga getah, kelapa sawit dan keluaran pertanian yang lain, mereka terus menikmati harga yang baik itu sepanjang tahun 1988. Bahkan pada tahun 1988 ini, pengusaha-pengusaha dalam sektor lain juga telah turut merasai nikmat daripada pertumbuhan ekonomi yang bertambah baik.

Beberapa projek dan perancangan yang diusahakan oleh Kerajaan telah menunjukkan kejayaan yang menggalakkan. Pada keseluruhananya, kita telah dapat menambahkan bilangan taman-taman dan rancangan-rancangan pengindahan yang lain sehingga bolehlah dikatakan bahwa bandar-bandar besar, bandar-bandar kecil, pusat-pusat pelancongan, serta setengah-setengah kampung mempunyai ‘pemandangan’ yang menarik. Kempen-kempen kebersihan telah menunjukkan kejayaan dan ianya akan diteruskan.

Usaha penswastaan telah menghasilkan kecekapan dan peningkatan mutu dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang telah diswasta-

kan. Usaha ini sedang giat diteruskan. Projek-projek industri berat seperti kereta nasional telah mula menunjukkan pulangan yang memberi harapan yang baik.

Tahun 1988 menunjukkan bahawa setiap dasar mengambil masa untuk membuktikan kebaikannya. Rakyat, terutamanya cerdik-pandai, hendaklah menunjukkan sikap yang lebih positif terhadap rancangan-rancangan atau dasar-dasar ini. Kelewatan melaksanakan sesuatu projek kerana gangguan, hanya akan meningkatkan kos dan merugikan rakyat. Tumpuan hendaklah diberikan kepada usaha untuk mengatasi masalah, dan bukan menghalang sesuatu usaha. Kejayaan berbagai projek dan dasar Kerajaan dalam tahun 1988 adalah bukti bahawa Kerajaan tidaklah begitu salah seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.



Kepimpinan melalui teladan menjadi cogankata kemajuan setiap rakyat Malaysia.

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION

YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

## MALAYSIA – TUAN RUMAH SUKAN SEA DAN MESYUARAT KOMANWEL

Kini kita di ambang tahun 1989. Marilah kita bertekad untuk menghadapi tahun tersebut dengan sikap positif, dengan penuh keyakinan dan ketabahan supaya kita dapat meningkatkan lagi kejayaan kita dalam tahun 1980. **Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Sukan SEA dan Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel pada tahun 1989 ini.** Inilah peluang kita untuk meningkatkan lagi maruah negara kita di mata dunia. Saya yakin dengan kerjasama semua pihak kita akan dapat menjadi tuan rumah yang beradab dan beradat di samping berusaha menjadikan negara kita terkenal kepada sebahagian besar negara-negara dunia.

## MENINGKATKAN PRODUKTIVITI

Di masa kemelesetan, kita telah menetapkan bahawa peningkatan produktiviti dan mutu barang-barang yang kita keluarkan adalah salah satu asas bagi membolehkan kita melepaskan diri daripada belenggu kemelesetan. Sekarang semasa ekonomi negara kian pulih, produktiviti janganlah pula diabaikan. Kenaikan gaji tanpa kenaikan produktiviti akan menjadikan kita kurang berupaya untuk bersaing dengan barang-barang negara-negara lain, sama ada dalam pasaran tempatan atau antarabangsa. Jika ini berlaku pendapatan perusahaan akan merosot. Tidak dapat tidak ini akan menjadikan pendapatan para pekerja dan menyebabkan bertambahnya pengangguran. Perolehan negara juga akan merosot, yang mana ini akan mempunyai kesan buruk terhadap pembangunan. Oleh itu produktiviti hendaklah ditingkatkan oleh semua pihak.

Sejepun Tahun Baru ini, saya ingin menyatakan seluruh rakyat Malaysia supaya mereka berharapui azam dan tekad untuk meningkatkan lagi kerjasama dan persefahaman di antara satu sama lain. Walaupun benar kita masih lagi menghadapi beberapa masalah, tetapi ini tidak sebaiknya digunakan sebagai alasan untuk tidak berkerjasama dan tidak berusaha pada. Memang ada gelombang-gelombang dalam pihak-pihak tertentu yang cenderung menggunakam masalah yang kita hadapi ini untuk





Perpaduan berbilang kaum adalah kunci kemajuan bangsa dan negara.

mengeruhkan keadaan. Kita haruslah ingat bahawa tujuan golongan-golongan ini bukanlah untuk menyelesaikan masalah tersebut, tetapi sebaliknya untuk memburukkan keadaan dengan menggunakan masalah ini bagi kepentingan sempit mereka.

## **PERPADUAN KUNCI KEMAJUAN BANGSA**

Kita juga harus ingat bahawa kita telah berjaya menghadapi cabaran-cabaran yang lalu hasil daripada perpaduan, persefahaman dan kerjasama di kalangan masyarakat majmuk di negara ini. **Dengan mengekalkan perpaduan, persefahaman dan kerjasama di kalangan kita, berbagai kejayaan baik dari segi politik, ekonomi, sosial dan keselamatan akan terus dapat kita capai dan nikmati bersama.** Sungguhpun begitu kita perlu memantapkan lagi ketahanan bagi menghadapi cabaran-cabaran baru terhadap keselamatan negara. Cabaran-cabaran tersebut boleh

muncul daripada sebab-sebab atau punca-punca yang sama dalam bentuk atau manifestasi yang berlainan. Perlembagaan negara menjamin kehidupan masyarakat berasaskan nilai-nilai kesederhanaan, toleransi dan saling bersefahaman di kalangan rakyat berbilang kaum, budaya, agama dan bahasa. Oleh itu bagi menentukan negara kita sentiasa berada dalam keadaan aman dan tenteram, maka saya mengajak semua pihak agar lebih peka dan waspada kepada sensitiviti-sensiviti yang berkaitan. Dengan izin Tuhan dan berkat usaha kita, kita akan mencapai kemajuan yang akan menjadikan kehidupan rakyat Malaysia lebih bahagia.

## PENUTUP

Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada mereka yang mudah terpengaruh dengan keinginan untuk menjadi kaya dengan segera supaya memikir dengan mendalam mengenai balasan bagi mereka yang melanggar undang-undang negara, terutama yang melibatkan diri dengan pengedaran dadah. Janganlah fikir mereka boleh mengelakkan diri daripada diberkas. Agak terlalu lewat bagi mereka menyesal apabila hukuman gantung dijatuhkan.

Saya juga ingin merayu kepada semua pemandu-pemandu supaya memandu dengan cermat. Kemalangan yang menyebabkan cedera parah dan kematian adalah terlalu tinggi di Malaysia, dan kebanyakannya disebabkan oleh kegopohan pemandu-pemandu. Oleh itu marilah kita semua membuat resolusi untuk memandu dengan cermat bermula dari tahun 1989 ini. Dengan izin Tuhan kita dan keluarga kita serta lain-lain pengguna jalanraya akan terpelihara.

Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua rakyat Malaysia dan berdoa semoga tahun 1989 akan membawa kebahagiaan yang bertambah kepada kita rakyat Malaysia khasnya dan umat manusia amnya.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**"BERSATU"**




Keselamatan Negara memupuk rakyat hidup aman dan damai.

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Suntingan: Balakrishnan Kandasamy  
Bahagian Penerbitan.

Rekaletak: BAHAGIAN VISUAL  
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA





PUSTAKA  
**PERDANA**  
LIBRARY



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan,  
B.K. 001 (B.M.) Feb. 89 (100.)

Dicetak oleh Inventra Print Sdn. Bhd. untuk Jabatan Percetakan Negara.

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA